

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan
Tingkat 31, Menara Bank Islam
No. 22 Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Telefon 03 2088 8000
Faks 03 2781 2998
www.bankislam.com.my

BANK ISLAM SERAH ZAKAT PERNIAGAAN RM8.4 JUTA KEPADА PPZ-MAIWP

KUALA LUMPUR, Khamis, [28 Mac 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) hari ini mengagihkan zakat perniagaannya berjumlah **RM8,404,590** untuk haul 2018 kepada Pusat Pungutan Zakat (PPZ) – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Pengagihan ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan zakat perniagaannya yang berjumlah **RM13,524,622** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 yang mana selebihnya akan dibayar kepada setiap Majlis Agama Islam dan Lembaga Zakat Negeri-negeri.

Penyerahan cek zakat berkenaan disempurnakan oleh Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Islam kepada Tuan Haji Ahmad Shukri Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif, PPZ-MAIWP di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, “Jumlah keseluruhan zakat perniagaan Bank Islam untuk haul 2018 telah meningkat 1.56 peratus kepada RM13,524,622 daripada RM13,315,840 pada tahun sebelumnya. Ia didorong oleh rekod keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) Bank Islam sebanyak RM810.3 juta untuk tahun kewangan 2018, peningkatan RM43.2 juta atau 5.6% berbanding RM767.1 juta pada tahun 2017. Kami berharap jumlah zakat yang diagihkan ini sedikit sebanyak dapat membantu memperbaiki kualiti kehidupan golongan asnaf di sekitar Kuala Lumpur.”

Turut hadir di majlis tersebut ialah Ustaz Mohd Nazri Chik, Ketua Pegawai Syariah, Bank Islam, Encik Mohammed Hassan, Pengurus Besar Kanan Operasi, PPZ-MAIWP, Tuan Haji Khairulazhar Samsudin, Penolong Pengurus Besar Dakwah Zakat dan Encik Muhammad Faizul Wahab, Pengurus Unit Dakwah Perniagaan.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 148 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: omar@bimpholdings.com Web: www.bimpholdings.com
---	---